

Headline	Mukhriz perlu bijak buat keputusan Penganalisis		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	06 Apr 2016	Language	Malay
Circulation	25,000	Readership	75,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	35	ArticleSize	149 cm ²
AdValue	RM 827	PR Value	RM 2,480



Mukhriz perlu bijak buat keputusan: Penganalisis

ALOR SETAR – Isu penyingkiran Datuk Seri Mukhriz Mahathir sebagai Menteri Besar Kedah akibat konflik parti pemerintah boleh menyumbang kepada faktor kekalahan Umno dan BN di Kedah pada PRU14.

Pensyarah Kanan Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa, Pusat Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Md Shukri Shuib berkata, perkara itu tidak mustahil akan berlaku kerana Mukhriz mempunyai sokongan yang cukup tinggi dalam kalangan rakyat negeri ini.

“Buat masa ini sokongan kepada Mukhriz masih di tahap tinggi dan jika kepimpinan serta pengurusan parti dapat bekerjasama baik dengan Adun Ayer Hitam (Mukhriz)



MD SHUKRI

itu, ia adalah lebih baik. Lagipun Mukhriz masih lagi pemimpin Umno,” katanya.

Penganalisis politik itu berkata, rakyat Kedah sedang memerhati dan menanti apa keputusan yang bakal dibuat pemimpin kesayangan mereka sama ada kekal bersama Umno atau menyertai pem-

bangkang selepas ini.

Tambahnya, Mukhriz perlu bijak memikirkan keputusan yang tepat sama ada mahu menggunakan senjata popularitinya untuk kebaikan Umno atau bertindak menubangkannya.

“Saya tidak bermaksud Mukhriz perlu pertahankan mana-mana pemimpin yang tidak serasi dengannya tetapi perlu mempertahankan Umno dan BN.

“Pada masa sama, pembangkang yang sedang berpecah antara Pas dan Parti Amanah Negara (Amanah) juga dilihat dalam dilema, manakala Umno pula sedang bermasalah. Mungkin arus sokongan akan dilihat lebih ketara apabila kempen pilihan raya bermula,” katanya.